



Berita Minggu
29/01/2012

Page: 4

Section: General News

Region: Malaysia Circulation: 231231

Type: Malaysia - Malay Newspapers

Size: 91.00 sq.cms

Frequency: -----S

Seri Paduka minta UPNM kekal prestasi

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, menitahkan semua pihak terutama kepemimpinan dan pengurusan tertinggi Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), mengekalkan prestasi serta prestij demi mencapai visi dan misi penubuhannya.

Baginda bertitah, langkah peningkatan harus dilaksanakan secara berterusan selaras perkembangan semasa bagi memastikan kecemerlangan UPNM pada masa depan.

"Beta amat bangga kerana Malaysia, khususnya UPNM melahirkan pegawai muda yang bakal mewarisi kepimpinan unggul Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada masa depan.

"Di sinilah titik mula pemimpin Tentera Darat, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)

dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dilahirkan," titah baginda pada Istiadat Perbarisan dan Penganugerahan Watikah Tauliah membabitkan 302 Pegawai Kadet UPNM bagi 2011 di Dataran Panglima Tentera Darat, Kem Sungai Besi di sini, semalam.

Turut berangkat ke majlis itu Raja Permaisuri Agong, Tuanku Haminah Hamidun. Hadir sama Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, dan Naib Canselor UPNM, Leftenan Jeneral Datuk Wira Allatif Mohd Noor.

Tuanku Abdul Halim turut yakin lepasan UPNM berpegang kepada nilai berkualiti, di samping memiliki intelek dan budi pekerti tinggi, sekali gus memastikan keselamatan, pertahanan serta kedaulatan negara sentiasa terpelihara.